

Istiadat kembalikan nostalgia Ismail

JOHOR BAHRU 23 Mac - Istiadat Kemahkotaan Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar yang berlangsung hari ini mengembalikan nostalgia manis buat **Ismail Mohd. Safri** yang berpeluang menyaksikan istiadat serupa, 55 tahun lalu.

Ismail, 67, berkata, ketika itu, dia berusia 12 tahun dan Istiadat Kemahkotaan itu amat dinanti-nantikan oleh kanak-kanak sebayanya kerana terdapat pelbagai aktiviti menarik turut diadakan.

Pada hari istiadat itu, dia dan rakan-rakannya keluar rumah seawal pukul 7 pagi untuk memastikan mereka mendapat tempat terbaik bagi menyaksikan perarakan kenderaan diraja.

"Ketika kenderaan yang membawa Almarhum Sultan Ismail Sultan Ibrahim melalui hadapan kami, kami berasa amat gembira. Penat menunggu hilang begitu sahaja.

"Semua kaum sama ada Melayu, Cina dan India bersorak dan melambaikan tangan bersama-sama sambil melaungkan 'Daulat Tuanku,'" katanya yang ditemui di restoran miliknya, Warung Saga di sini.

Istiadat Kemahkotaan Sultan Ibrahim berlangsung di Istana Besar, di sini hari ini dan lebih 40,000 rakyat negeri ini hadir menyaksi-



ISMAIL MOHD. SAFRI menunjukkan gambar Istiadat Kemahkotaan Almarhum Sultan Ismail Sultan Ibrahim di restorannya, Warung Saga di Johor Bahru, semalam. - **UTUSAN/AMIN FARIJ HASAN**

kan Perarakan Kenderaan Diraja di laluan sepanjang kira-kira lapan kilometer yang bermula dari Istana Besar ke Istana Bukit Serene.

Ismail berkata, keseronokan yang dirasakan ketika itu tidak dapat digambarkan dengan kata-kata kerana suasana sepanjang hari seperti suatu perayaan.

"Selepas tamat perarakan, pelbagai aktiviti lain diadakan termasuk acara sukan rakyat seperti lumba

itik dan persembahan bot berhias. Sebagai kanak-kanak ketika itu, saya amat teruja.

"Pada sebelah malam pula, terdapat pelbagai persembahan kebudayaan yang disediakan khusus bagi memeriahkan lagi sambutan itu," katanya yang menyaksikan Istiadat Kemahkotaan Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar hari ini menerusi siaran langsung di televisyen kerana masalah kesihatan.



Semua kaum sama ada Melayu, Cina dan India bersorak dan melambaikan tangan bersama-sama sambil melaungkan 'Daulat Tuanku'."

ISMAIL MOHD. SAFRI